

10/08/1999

Zaharah diminta segerakan mesyuarat

SEREMBAN, Isnin - Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar meminta Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman segera memanggil mesyuarat Exco untuk menjelaskan keadaan yang berlaku dan menghapuskan kekeliruan yang wujud.

"Sebagai ketua, Zaharah jangan berlengah-lengah kerana mesyuarat itu akan dapat menjernihkan segala isu yang berbangkit dan dapat mengelakkan sebarang percakapan di luar (pergerakan) dan andaian.

"Beliau sudah tentu dapat memberikan penjelasan terperinci apa yang sebenarnya berlaku kerana masih ramai pemimpin dan ahli yang ingin tahu.

"Ini bagi faedah semua, terutama perpaduan Wanita," katanya selepas pelancaran ANS2 peringkat negeri, di Seremban, hari ini.

Sambil menjelaskan semua pihak dalam pergerakan mengutamakan perpaduan selaras seruan pucuk pimpinan parti, termasuk Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamd, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Pilah itu juga berkata, pihaknya sudah memberikan penjelasan mengenai isu itu kepada pemimpin bahagian.

Katanya, apa yang penting ialah semua pihak merapatkan barisan dan mengetepikan perbezaan pendapat, sebaliknya menumpukan perhatian kepada pilihan raya umum akan datang.

Mengenai dakwaan menyatakan Wanita Umno negeri ini akan membawa usul undi tidak percaya terhadap Zaharah, beliau menjelaskan ia tidak benar.

Ketua Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata badan itu mendapati tidak benar Wanita Umno negeri yang dikatakan akan membawa usul undi tidak percaya itu.

"Badan Perhubungan puas hati perpaduan Wanita Umno negeri kukuh dan setiap pemimpin bahagian serta ahli kini bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya," katanya.

Sementara itu, di BATU PAHAT, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Abdul Ghani Othman, meminta ahli pergerakan itu menumpukan sepenuh perhatian terhadap persiapan menghadapi pilihan raya umum daripada memperbesar-besarkan masalah dalaman yang boleh menjejaskan perpaduan ahli.

Katanya, tumpuan kepada perpaduan ahli lebih penting dalam usaha mempersiapkan jentera pilihan raya bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN).

Beliau, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor menyokong penuh saranan Timbalan Presiden Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi supaya ahli pergerakan itu tidak membuat sebarang usul undi tidak percaya terhadap ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Dalam hal ini, sebarang usul undi tidak percaya terhadap Dr Siti Zaharah tidak sepatutnya timbul kerana beliau sudah memberi penjelasan berhubung pembatalan rombakan Exco Wanita," katanya, di Ayer Hitam, dekat sini hari ini.

Mengenai pendirian Wanita Johor, Abdul Ghani berkata, beliau berpuas hati dengan pendirian semua ketua Wanita bahagian yang memberi jaminan tidak terheret dalam isu itu.

(END)